

Panel sedia perbetul keraguan

KUALA LUMPUR - Panel Syariah dan Akidah ESQ Leadership Center Sdn. Bhd. (ESQ) bersedia memperbetulkan keraguan modul kursus latihannya seperti yang diminta Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia.

Pengerusinya, Datuk Mustafa Abdul Rahman berkata, panel lima anggota itu akan melihat semula segala kekeliruan yang dinyatakan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

"Panel itu juga sedang menyemak semula buku-buku yang digunakan sebagai isi kandungan modul latihan syarikat dan kami merasakan ini tanggungjawab yang besar diberikan kepada kami dan kita akan melaksanakan tugas ini dengan memperbetulkan apa-apa kesamaran,"

katanya kepada pemberita di sini semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Pengerusi Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin yang memutuskan kursus ESQ boleh dilaksanakan di negara ini dengan pengawasan sepenuhnya oleh panel syariah yang dilantik oleh ESQ dan memperbetulkan beberapa keraguan di dalam modulnya.

Menurut Mustafa lagi, perkembangan berkaitan pembetulan kesamaran kandungan modul itu akan dilaporkan dari semasa ke semasa kepada Majlis Fatwa Kebangsaan.

Jelasnya, ESQ akan menjalankan kursus-kursus dengan menggunakan modul yang sama di seluruh negara kecuali di Wilayah Persekutuan.



MUSTAFA bersama Pengurus Besar ESQ, Mahani Yusof meneliti isi kandungan buku ESQ di Kuala Lumpur semalam.